

MPB, KPT teruskan kerjasama strategik

Oleh [Rafidah Mat Ruzki](#) - Februari 8, 2022 @ 5:47pm

fidahruzki@bh.com.my



Noraini menerima cenderahati daripada Syed Hussian selepas kunjungan hormat di Putrajaya. Turut kelihatan, Rafiq dan Efendi (kiri). NSTP/MOHD FADLI HAMZAH

PUTRAJAYA: Kunjungan hormat pengurusan tertinggi Kumpulan Media Prima Berhad (MPB) terhadap Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, hari ini, dilihat bakal mengukuhkan kerjasama strategik antara kedua-dua pihak.

Pengerusi Kumpulan MPB, Datuk Seri Dr Syed Hussain Aljunid yang ditemui selepas pertemuan kira-kira sejam setengah itu, berkata rombongan beliau dan Noraini berbincang untuk meneruskan hubungan strategik sedia ada dan membawanya ke peringkat seterusnya.

"Alhamdullilah, kita juga dapat berbincang bagaimana platform yang ada dalam MPB boleh digunakan untuk membantu dalam kerjasama dengan KPT," katanya.

Turut sama dalam kunjungan hormat di pejabat Noraini itu adalah Pengarah Urusan Kumpulan, Rafiq Razali; Ketua Pegawai Operasi Omnia Media Prima, Mohd Efendi Omar dan Pengurus Besar Kumpulan, Pejabat Pengerusi Kumpulan, Azlan Abdul Aziz.

Pada kunjungan berkenaan, kedua-dua pihak turut bertukar-tukar cenderamata.